

**Mei Fun jadi pengukur penerimaan rakyat terhadap MCA, kata Muhyiddin  
Malaysian Insider  
Feb 23, 2014  
OLEH The Malaysia Insider**

Pemilihan Naib Presiden MCA, Datin Paduka Chew Mei Fun sebagai calon Barisan Nasional (BN) bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Kajang menjadi pengukur kepada penerimaan rakyat terhadap kepimpinan baharu parti itu.

Berikutan itu, Timbalan Pengerusi Barisan Nasional (BN), Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata peluang bertanding itu tidak harus dipersia-siakan meskipun ada pihak mencadangkan BN supaya tidak bertanding pada pilihan raya kecil DUN Kajang 23 Mac ini.

"Kalau tidak ada kesempatan ini diambil, maka lebih sukar untuk mengukur sejauh mana penerimaan masyarakat Cina ataupun rakyat terhadap kepimpinan baharu (MCA).

"Apa pun keputusan itu nanti, akan dijadikan satu gambaran di mana mereka (MCA) berada, dan langkah pemulihan yang boleh diambil dan asas perjuangan yang hendak diperjuangkan untuk masyarakat Cina mungkin dapat disampaikan pada pilihan raya seperti ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) di kawasan Parlimen Pagoh di Johor, hari ini.

Timbalan perdana menteri berkata, kepimpinan baharu MCA juga diberi kesempatan untuk membuktikan kepada pengundi di situ dan masyarakat Tionghua bahawa mereka bersedia membantu kaum itu.

"Saya fikir ada baiknya kita beri peluang (kepada MCA) walaupun ada cadangan untuk kawasan itu diberikan pada wakil parti komponen (BN) yang lain," katanya.

Katanya, Chew merupakan calon yang sesuai bagi kerusi DUN Kajang kerana beliau berpengalaman menyandang jawatan kerajaan dan seorang yang berprinsip daripada segi perjuangannya dan mempunyai perwatakan baik.

Dalam pada itu, Muhyiddin berkata BN tidak mahu memberi laluan mudah kepada pembangkang dengan tidak bertanding, meskipun dilihat sebagai "bukan pilihan" pada pilihan raya kecil itu.

Kerusi DUN Kajang dikosongkan penyandangannya Lee Chin Cheh daripada PKR pada 27 Januari.

Beliau memenangi kerusi itu dengan majoriti 6,824 undi selepas menewaskan lima calon lain pada PRU13.

Suruhanjaya Pilihan Raya menetapkan 23 Mac ini sebagai hari pengundian dan penamaan calon pada 11 Mac ini.

Chew dijangka berdepan penasihat PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim dan bekas presiden Kita, Datuk Zaid Ibrahim.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/mei-fun-jadi-pengukur-penerimaan-rakyat-terhadap-mca-kata-muhyiddin>